

31/01/1997

Polis tingkat operasi

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Khamis - Polis akan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang terutama di bandar besar menjelang perayaan hampir serentak Tahun Baru China dan Aidilfitri tahun ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ong Ka Ting, berkata langkah itu selaras arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu pihak berkuasa membanteras jenayah hingga ke paras terkawal.

Langkah itu juga bertujuan mengelakkan kes jenayah serta kemalangan yang membabitkan kematian meningkat berkali ganda sepanjang cuti perayaan ini.

"Penguatkuasa undang-undang seperti polis sedang meningkatkan usaha mengatasi kemalangan, kegiatan curi, pecah rumah dan peras ugut yang biasanya meningkat dalam musim cuti ini.

"Kita berharap, menjelang Tahun Baru Cina dan Aidilfitri, ia dapat dikawal dan orang ramai merayakannya dengan aman," katanya kepada pemberita selepas melancarkan majalah Keindahan Senjakala di sini, hari ini.

Majalah untuk warga tua itu adalah yang pertama diterbitkan di negara ini. Ia dikeluarkan oleh Kumpulan Hai O. Edisi pertamanya mengandungi pelbagai rencana mengenai kesihatan dan kegiatan warga tua.

Selain itu, ketika diminta mengulas operasi dari rumah ke rumah oleh pegawai Imigresen bagi mengesan pembantu rumah rakyat asing tanpa dokumen dan permit kerja, Ong berkata, operasi itu akan diteruskan sehingga keadaan terkawal.

Menurutnya, kerajaan sudah memberi masa yang secukupnya kepada pendatang terbabit dan sampai masanya tindakan tegas dikenakan terhadap mereka.

"Kita tidak akan bertolak ansur lagi selepas beberapa kali menunda operasi ini. Ia akan diteruskan sehingga keadaan terkawal," katanya.

Semalam, operasi yang dinamakan Ops Pintu itu menahan empat pembantu rumah asing di sini dan sembilan di Pulau Pinang. Tiga daripada yang ditahan di sini ialah warga Indonesia manakala seorang lagi Filipina.

Turut ditahan dalam operasi itu ialah seorang majikan kerana dipercayai melindungi pendatang tanpa izin dan pemandunya yang menghalang pegawai Imigresen menjalankan tugas.

Terdahulu ketika menyampaikan ucapannya, Ong berkata, warga tua kini berpeluang menikmati perkhidmatan kesihatan yang lebih baik apabila Teleperubatan berfungsi di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menurutnya, Teleperubatan memudahkan pakar perubatan tempatan berhubung dengan pakar asing untuk mencari kaedah rawatan yang terbaik untuk sesuatu penyakit terutama yang sukar diubati.

"Saya yakin, jangka hayat rakyat Malaysia dapat ditingkatkan melebihi 70 tahun apabila mutu perkhidmatan perubatan di negara ini meningkat. Ini adalah sebahagian daripada kebaikan MSC yang diilhamkan oleh Perdana Menteri," katanya.

(END)